

10/02/2004

PM lancar kempen antimerokok besar-besaran

Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melancarkan kempen antimerokok besar-besaran di sini semalam dengan meminta penguatkuasaan undang-undang yang melarang penjualan rokok kepada remaja berusia bawah 18 tahun dipertingkatkan.

Perdana Menteri juga mahu usaha berterusan mengurangkan tabiat itu, termasuk meningkatkan larangan merokok di bangunan kerajaan dan kemudahan awam selain menambah papan tanda amaran merokok.

Beliau menegaskan, semua pihak termasuk ibu bapa, guru dan masyarakat perlu memainkan peranan membantu kerajaan mengurangkan tabiat merokok terutama membabitkan pelajar dan murid sekolah.

"Setakat ini semua usaha kerajaan untuk menyedarkan masyarakat mengenai bahaya rokok termasuk larangan merokok di tempat awam dan pengawalan iklan tidak mendapat bantahan syarikat rokok.

"Kita akan teruskan dan apa yang penting kita perlu konsisten dengan kempen ini kerana kita tahu merokok tidak membawa kebaikan khususnya kepada anak-anak muda," katanya kepada pemberita selepas melancarkan kempen antimerokok 'Tak Nak - Setiap Sedutan Membawa Padah' di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) di sini semalam.

Statistik menunjukkan antara 50 hingga 60 remaja mula merokok setiap hari dan golongan pelajar merangkumi kira-kira lapan peratus daripada anggaran 4.6 juta perokok di Malaysia.

Sebagai menunjukkan komitmen untuk mengurangkan tabiat merokok di kalangan masyarakat, kerajaan menetapkan peruntukan RM20 juta setahun untuk lima tahun bagi menjayakan kempen antimerokok itu.

Kira-kira 3,000 pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi turut memeriahkan majlis pelancaran kempen itu. Turut hadir ialah Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng.

Berucap ketika melancarkan kempen itu, Perdana Menteri berkata, tabiat benci merokok perlu disemai sejak di bangku sekolah lagi bagi memastikan ia tidak membawa kesan negatif terhadap kanak-kanak dan remaja.

"Mesej saya (kepada anak-anak) ialah berhati-hati, jangan mudah dipengaruhi bila dipujuk kawan-kawan untuk merokok. Jangan malu untuk katakan tak nak. Bagi orang dewasa pula, berhentilah merokok kerana ia tidak membawa apa-apa kebaikan kepada mereka," katanya.

Abdullah berkata, jika rakyat negara ini menyayangi anak masing-masing dan mahu mereka maju dalam pelajaran, berjaya dan sentiasa sihat, semua pihak harus memastikan anak-anak dijauhkan sebarang perbuatan yang boleh merosakkan diri mereka.

"Kita mahu mereka tolak, mereka kata 'tak nak' kepada rokok. Saya berharap kempen ini benar-benar berkesan dalam melahirkan kesedaran dalam anak kita supaya tidak merokok," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, memang agak sukar bagi ibu bapa menyedarkan anak-anak supaya tidak merokok jika mereka sendiri mengamalkan tabiat itu.

"Satu perkara yang penting jika di rumah bapa dan emak merokok, mungkin payah juga nak suruh anak-anak tidak merokok kerana teladan di rumah itu bertentangan jiwa kempen kita ini," katanya.

Sambil meminta hadirin terutama pelajar mengatakan 'Tak Nak' kepada rokok, Abdullah secara berseloroh berkata bahawa beliau dan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad tidak merokok sejak kecil.

"Pak Lah dulu masa sekolah tak pernah merokok. Sampai tua tak pernah

merokok. Perdana Menteri yang lalu Tun Dr Mahathir Mohamad yang memulakan kempen jangan merokok, dia dari kecil sampai jadi PM tak merokok.

"Pak Lah tak berani nak kata sapa tak merokok ada peluang jadi Perdana Menteri tetapi itu realiti," katanya sambil disambut tepukan hadirin.

Abdullah turut menyampaikan pantun empat kerat untuk mengingatkan pelajar mengenai bahaya merokok, berbunyi:

"Anda Semua Harapan Negara,  
Jangan Merokok Jadikan Wadah,  
Katakan Tak Nak Sekarang Juga,  
Setiap sedutan Membawa Padah."